

**TIGA IDENTITI *KOMBURONGO* DALAM KEPERCAYAAN
TRADISIONAL ETNIK TOBILUNG DI SABAH
*THE THREE IDENTITIES OF KOMBURONGO IN THE TRADITIONAL
BELIEFS SYSTEM OF THE TOBILUNG OF SABAH***

**Ick Ellyrenzine Linsap¹
Low Kok On²**

^{1&2} Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF),
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.
ick_ellyrenzine@yahoo.com; lowkokon@ums.edu.my
Tarikh dihantar: 8 Oktober 2021 / Tarikh diterima: 8 November 2021

ABSTRAK

Sebahagian kecil daripada etnik Tobilung yang menetap di daerah Kota Belud, Sabah masih pegang kepada kepercayaan tradisional yang diwarisi secara turun-temurun. Mereka percaya kepada pelbagai jenis semangat baik dan jahat. Salah satu semangat baik yang dipercayai mereka ialah *komburongo*, iaitu subjek kajian ini. Permasalahan yang timbul adalah *komburongo* mempunyai tiga identiti yang berbeza, iaitu sebagai sejenis tumbuhan, sebagai alat ritual dan sebagai semangat pembantu. Tanpa memahami ketiga-tiga identiti ini, maka seseorang tidak memahami kaitan antara ketiga-tiganya. Oleh itu, tulisan ini memberi tumpuan menganalisis ketiga-tiga identiti *komburongo* yang berkait dengan kepercayaan turun-temurun etnik Dusun Tobilung. Bagi mengumpul data kajian, kerja lapangan telah dijalankan di enam buah kampung yang didiami oleh etnik Dusun Tobilung. Kajian ini berasaskan prinsip *grounded theory*. Data kajian yang berkait dengan kepercayaan etnik Tobilung terhadap *komburongo* dianalisis secara interpretasi dan disokong oleh bahan kajian yang lepas. Hasil analisis mendapati *komburongo* mempunyai tiga identiti yang berbeza namun saling berkait, iaitu sebagai sejenis tumbuhan (jerangau), alat ritual dan semangat pembantu. Hasil analisis juga mendapati *komburongo* memainkan pelbagai fungsi dalam kepercayaan etnik Dusun Tobilung. Mereka memohon bantuan daripada semangat *komburongo* untuk menyelesaikan masalah kerohanian dan fizikal. Kajian ini penting bagi menonjolkan identiti *komburongo* dan juga kaitannya dengan kepercayaan turun-temurun etnik Tobilung.

Kata kunci: Etnik Tobilung, identiti *komburongo*, tumbuhan, alat ritual, semangat pembantu.

ABSTRACT

*A minority of the Tobilung ethnic group residing in the Kota Belud district of Sabah still adhere to their traditional beliefs, which were passed down from one generation to another. They believed in various benevolent and malevolent spirits. One of the benevolent spirits is komburongo. The issue identified here is the komburongo has three different identities, that is first, it is a kind of plant, second, a ritual tool and, third a malevolent spirit. Without knowing all these identities, one does not know the connection between them. Hence this article focuses on the analysis of these three identities of komburongo based on the traditional beliefs of the Tobilung people. To collect data, field trips have been conducted in six Tobilung villages. This study is based on the grounded theory. Data related to the beliefs in komburongo were analyzed based on interpretation and supported by the study of the past. In the analysis, the researchers found that komburongo has three identities, first, it is a plant (*Acorus Calamus*); second a ritual tool and third, a benevolent spirit. Besides, this study also found that there are various functions of komburongo in the beliefs system of the Tobilung. They relied on the help of komburongo for various spiritual and health problems. This study is deemed important because it highlighted the three different identities of komburongo and its relation to the traditional beliefs system of the Tobilung.*

Keywords: *Tobilung ethnic group, identities of komburongo, plant, ritual tool, benevolent spirit.*

PENGENALAN

Etnik Tobilung ialah salah satu rumpun Dusunik yang menetap di daerah Kota Belud dan Kota Marudu (Tombung, 1990: 5; Pugh-Kitingan, 2012: 3). Jika diteliti, majoriti etnik ini masih menetap di daerah Kota Belud dan Kota Marudu sehingga kini. Berdasarkan maklumat yang diperoleh dari Pejabat Daerah Kota Belud, terdapat lima ribu tiga ratus etnik Tobilung di Kota Belud berdaftar sebagai pengundi (Encik Sikar bin Datin, Pegawai Kemajuan Masyarakat Pintasan, Kota Belud). Berdasarkan data jumlah penduduk ini, dianggarkan bahawa jumlah keseluruhan etnik Tobilung di Kota Belud, iaitu lokasi kajian ini ialah sekitar enam hingga tujuh ribu orang pada masa sekarang (Shadar Datin, Ketua Anak Negeri, Kota Belud).

Etnik ini mempunyai legenda asal usul yang hampir sama dengan etnik Kadazandusun lain. Sehubungan dengan itu, Evans (1953:471) melaporkan bahawa Dusun Tobilung pada awalnya tinggal di rumah panjang di Nunuk Ragang sebelum meninggalkan tempat tersebut disebabkan ancaman *mondou* (gergasi) yang makan anak kecil mereka serta haiwan ternakan seperti ayam dan

khinzir. Terdapat kira-kira seratus orang telah melarikan diri sehingga sampai di Kampung Tatahan, Inanam, Kota Kinabalu. Atas sebab-sebab tertentu seperti terdapat golongan wanita yang baru melahirkan anak, mereka terpaksa menetap di sana dan sebahagian daripada mereka yang kehilangan tanda jalan telah meneruskan perjalanan mereka. Seterusnya, mengikut catatan hasil temu bual oleh Evans (1953: 472), masyarakat Tobilung yang berpindah juga telah sampai di perkampungan Kedamaian dan menetap di situ sebelum akhirnya ketua mereka yang dikenali sebagai Woiyon telah membawa mereka berpindah ke satu lagi kawasan hutan di Bongoliu yang terletak di kawasan Pandasan, Kota Belud yang ada pada masa sekarang. Kemudian, didapati bahawa masyarakat Tobilung telah melakukan penghijrahan sekali lagi ke sebuah bukit tertinggi yang terletak di sempadan daerah Kota Belud dan Kota Marudu yang dikenali sebagai Bukit Rumun. Setelah beberapa lama menetap di Bukit Rumun, beberapa kumpulan telah berpecah untuk membina penempatan baharu di Toburon, Dudar, Sarang, Kamalaan (Sarang), Menggaris, Bintoson dan Mangin. Sehingga pada masa kini kampung-kampung berkenaan menjadi penempatan majoriti etnik Tobilung (Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, 2018: 6).

Maklumat etnik Tobilung yang berasal dari Nunuk Ragang (*nunuk* - pokok ara, *ragang* - merah) dapat dilihat melalui catatan Dayu Sansalu (2017). Menurut Dayu Sansalu (2017: 8), selepas penghijrahan pertama masyarakat Kadazandusun dari Nunuk Ragang, nama suku setiap kelompok masyarakatnya diambil daripada nama kampung, pokok dan sempena keadaan penempatan mereka, termasuklah Dusun Tobilung. Keadaan tempat tinggal perkampungan etnik Tobilung dikelilingi bukit. Dalam bahasa Kadazandusun, keadaan ini dipanggil *poimbilung do nulu* lalu istilah ini disingkatkan menjadi Tobilung. Arena Wati (1978), Japuin Madisah (1986), Mat Zin (2003), Low (2005), Pugh-Kitingan (2012) dan Marlenny Deenerwan (2014) turut melaporkan legenda asal usul masyarakat Kadazandusun yang berasal dari Nunuk Ragang, iaitu sebuah kampung berhampiran Tampios di Sungai Liwagu di Daerah Ranau, Sabah.

Dari segi sosioekonomi, kebanyakan daripada etnik ini bergantung kepada alam semula jadi seperti hutan dan sungai. Antara aktiviti utama yang dijalankan ialah *momutagad* (membuka ladang) dan beberapa aktiviti sampingan secara kecil-kecilan dan menternak binatang peliharaan seperti ayam, babi dan kerbau, menangkap ikan, memburu binatang, membuat tali dari kulit kayu *timbangan* serta membuat kraf tangan (Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, 2018: 9). Evans (1953: 472) mencatatkan bahawa masyarakat etnik Tobilung menjalankan kegiatan menanam padi sebagai sumber ekonomi dan makanan tetapi bukan dengan cara membajak.

Secara turun-temurun, orang Kadazandusun percaya kepada pelbagai jenis semangat, sama ada semangat baik atau semangat jahat (Evans, 1953; Mat Zin, 2003; Low & Marshal, 2013; Low & Sri Ningsih, 2013). Begitu juga dengan etnik Tobilung yang menetap di Daerah Kota Belud, Sabah, mereka mempercayai pelbagai jenis semangat. Antara semangat baik yang dipercayai etnik ini ialah *komburongo*, *solob* (penghuni ladang), *bambarayon* (semangat padi) dan *rumunduk* (semangat pembantu *komburongo*). Antara semangat jahat yang dipercayai etnik ini ialah *suang tana* (penunggu tanah), *katambeeg* (penunggu sungai), *rogon* (semangat jahat) dan *tutumolong* (bunian). Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (2018: 78) melaporkan bahawa etnik Tobilung percaya bahawa *sundu* tersebut berada di sekitar tempat manusia tinggal dan boleh dijadikan sebagai sahabat kepada manusia meskipun tidak dapat dilihat melalui mata kasar. Justeru, selain *bobolian* (pakar upacara), *sundu* tersebut boleh dihubungi oleh manusia biasa melalui ritual tertentu dengan syarat manusia tersebut telah mengikat perjanjian persahabatan dengan *sundu* berkenaan.


Etnik Tobilung juga percaya kepada kewujudan Tuhan sebagai pencipta alam, sama seperti agama Islam dan Kristian. Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (2018: 77) mencatatkan bahawa Tinumaru merupakan Tuhan bagi etnik Tobilung dan dipercayai mencipta langit, bumi dan segala isinya. Tinumaru juga merupakan pelindung kepada etnik Tobilung daripada kuasa jahat dan akan memberi pengadilan sekiranya berlaku pertikaian antara semua makhluk ciptaannya serta menghukum setiap pelaku kejahatan setimpal dengan perbuatannya.

Kajian ini memberikan tumpuan terhadap identiti *komburongo* dalam kalangan Dusun Tobilung secara turun-temurun. Permasalahan utama yang timbul dalam kajian ini ialah kepercayaan terhadap *komburongo* didapati semakin berkurangan kerana kebanyakan etnik Tobilung masa kini sudah beragama Kristian dan Islam. Menurut Shadar bin Datin (Ketua Anak Negeri Kota Belud), dianggarkan hanya terdapat 5 peratus yang masih mengamalkan kepercayaan terhadap *komburongo*. Seterusnya, umum tidak mengetahui tentang yang *komburongo* ini memiliki identiti yang berbeza. Oleh itu, adalah menjadi kepentingan kepercayaan terhadap identiti *komburongo* ini dikaji agar kepercayaan tradisional etnik Tobilung ini difahami umum.

Bagi memperoleh data kajian tentang *komburongo*, kerja lapangan di enam buah kampung Tobilung dalam daerah Kota Belud telah dikendalikan. Antaranya ialah Kampung Taburan, Kampung Dudar, Kampung Sarang, Kampung Timbang Manggaris, Kampung Timbang dan Kampung Ulu Kukut (Peta 1). Temu bual ditujukan kepada informan yang arif tentang kepercayaan *komburongo* bagi

mendapatkan data yang berkaitan dengan identiti *komburongo*. Antara informan yang diberikan tumpuan ialah *bobolian* (pakar upacara) dan warga tua yang arif terhadap kepercayaan *komburongo* (Lampiran 1).

Teori kajian yang digunakan ialah *grounded theory*, yang secara prinsipnya bertujuan menjana teori daripada data, dan bukannya berasaskan mana-mana teori khusus yang sedia ada. Creswell (2014: 14) mencatatkan bahawa berasaskan teori ini, pengkaji memperoleh teori umum yang terdapat dalam pandangan informan yang ditemu bual. Dengan kata lain, di akhir analisis data, pengkaji bakal menemui dapatan kajian berupa teori terhadap identiti *komburongo* yang diperoleh berasaskan pandangan informan kajian. Dapatan analisis kajian pula kemudiannya dianalisis berdasarkan interpretasi dan dibandingkan dengan dapatan kajian terhadap *komburongo* etnik Kadazandusun lain.



Peta 1 Lokasi mengumpul data kajian.

Kajian Lepas terhadap *Komburongo*

Kajian terhadap *komburongo* dalam sistem kepercayaan etnik Kadazandusun telah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji Barat dan tempatan. Antara pengkaji yang pernah mengkaji *komburongo* ialah Evans (1953), Hurlbut (1986), Arena Wati (1978), Yap (1982), Tongkul (2002), Hanafi Hussin (2003), Pugh-Kitingan (2012), Marlenny Deenerwan (2014), Low dan Solehah (2018) dan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (2018). Umumnya, *komburongo* memiliki tiga identiti yang berbeza namun saling berkait antara satu sama lain, iaitu sebagai tumbuhan,

alat ritual dan semangat pembantu (Low & Solehah, 2018: 186). Sebagai sejenis tumbuhan, *komburongo* dalam bahasa Melayu ialah jerangau. Nama saintifiknya ialah *Acorus Calamus* (Evan, 1953: 60; Arena Wati, 1978: 135; Apell & Apell, 1993: 25; Muhamad & Mustafa, 1994: 151; Pugh-Kitingan, 2012: 117, Marlenny Deenerwan, 2014: 39; Low & Solehah, 2018: 181).

A. Aziz dan Aishah (1998: 182) dalam kajian mereka telah membuat pengelasan tentang peranan tumbuhan dalam kehidupan kepada lima, iaitu tumbuhan pertanian, makanan, perhiasan, ritual, ubat-ubatan dan tumbuhan untuk bangunan. Hasil kajian yang diperoleh mereka menunjukkan jerangau dikategorikan dalam tumbuhan ritual dan tumbuhan ubatan. Cara menggunakannya turut dijelaskan oleh A. Aziz dan Aishah (1998) mengikut kedua-dua kategori tersebut, iaitu sebagai tumbuhan ritual, bahagian pelepah daun jerangau tersebut diletakkan di atas gelegar pintu rumah untuk mengelakkan hantu atau jin memasuki rumah dan dikibas pada pesakit oleh dukun untuk menghalau hantu yang merasuknya. Sebagai tumbuhan ubatan pula, jerangau boleh direbus dan airnya diminum untuk memulihkan semangat dan sakit-sakit badan. Jerangau juga dikategorikan sebagai rumput bagan atau tumbuhan herba yang akarnya dapat dibuat ubat, terutamanya untuk orang beranak (Sapinah Haji Said, 2013: 106). Tongkul (2002: 32) juga mencatatkan bahawa akar tumbuhan *komburongo* juga boleh dijadikan ubat tradisonal untuk sakit demam dan perut, serta pelbagai khasiat perubatan lain (Yap, 1982: 12).

Seterusnya, Low dan Solehah (2018) juga mengumpulkan pendapat-pendapat para pengkaji terdahulu tentang *komburongo* sebagai pandangan dunia dan dikaitkan dengan kepercayaan masyarakat. Antaranya ialah Hanafi (2003: 28) mencatatkan bahawa etnik Kadazan di Penampang percaya bahawa *komburongo* dicipta oleh Kinoringan, iaitu Pencipta mereka dan dianggap sebagai alat yang paling berguna dan penting kepada *bobolian* atau *bobohizan* khususnya semasa melakukan upacara ritual dan ia menjadi satu kemestian mempunyai *komboungoh*. Hurlburt (1986: 125) tertarik dengan peranan *komburongo* sebagai semangat pembantu yang kuat dalam upacara ritual di Labuk, timur Sabah. Masyarakat Kadazandusun percaya perlunya menjaga keseimbangan antara mahkluk, roh dan semangat yang wujud dalam alam semesta dengan kehidupan manusia dalam konsep mematuhi pantang larang dan menjalankan ritual.

Berdasarkan hierarki kepercayaan politeisme Kadazandusun yang dinyatakan oleh Low Kok On (2005: 132) pula memaparkan bahawa *komburongo* tergolong dalam dewa-dewi. Hal ini menunjukkan *komburongo* mempunyai kedudukan yang tinggi dalam mitos kepercayaan masyarakat

Kadazandusun berbanding semangat atau roh yang lain. Kepercayaan ini juga seiring peranannya yang mampu membantu manusia dalam pelbagai masalah yang dihadapi dalam kehidupan.

Seterusnya, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (2018: 79) mencatatkan bahawa etnik Tobilung mempunyai kepercayaan terhadap *komburongo* sebagai tumbuhan yang mempunyai semangat. Semangat tersebut dipercayai mempunyai sifat yang baik dan berfungsi sebagai pelindung dalam keluarga. Mereka turut percaya bahawa tumbuhan *komburongo* berfungsi sebagai pengantara di antara manusia dengan Tinamaru. Berdasarkan sorotan penerbitan pengkaji lepas, kajian tentang identiti *komburongo* dalam kalangan etnik Tobilung didapati belum dikaji oleh mereka. Jurang penyelidikan yang tertinggal oleh mereka inilah yang diisi dalam kajian ini.

***Komburongo* sebagai Tumbuhan Suci**

Pertama, *komburongo* ialah sejenis tumbuhan (Foto 1). Dalam bahasa Melayu, pohon *komburongo* dikenali sebagai jerangau. Nama saintifiknya ialah *Acorus Calamus* (Low & Solehah, 2018: 181). Evans (1953: 60) mencatatkan bahawa pohon *komburongo* bukanlah pohon asli di Borneo. Hal ini menunjukkan pohon *komburongo* dibawa orang untuk ditanam di Borneo. Mengikut kepercayaan etnik Tobilung pula, pohon *komburongo* ialah hasil daripada penciptaan Tinamaru, iaitu Pencipta Tobilung (informan: Mansor bin Rambayau, Sunda binti Tampisal, Imbagong binti Gumang, Kimpin Sombion, Luntugan bin MASONDAL dan Kimo binti Gungurupa). Dengan kata lain, tumbuhan ini telah berakar umbi dalam kepercayaan etnik Tobilung sejak zaman silam.

Berdasarkan pemerhatian secara langsung yang telah dilakukan oleh pengkaji di tempat kajian, pohon *komburongo* mempunyai daun seperti rumput, panjang, tirus, menjulur naik dari rizom. Daunnya bersusun secara teratur, ringkas, glabrus dan keseluruhan daun berwarna hijau dengan daun berbentuk bilah memanjang. Uratnya pula jenis daun selari dan membentuk sisipan serta daunnya beraroma. Rizomnya turut berbau wangi dan keratan rizom *komburongo* berwarna putih dan sangat berserabut. Akarnya boleh membesar sehingga mencapai ketinggian 1.0 meter (Foto 2). Sebagai perbandingan, kajian Low dan Soleha (2018: 185) mendapati terdapat dua jenis tumbuhan *komburongo*, iaitu *komburongo* yang mempunyai rizom berwarna hijau dan merah. Bagaimanapun, Low dan Soleha (2018: 185) mendapati bahawa *komburongo* yang terdapat dalam kalangan masyarakat Kadazandusun yang menetap di daerah Pitas, Kota Marudu, Ranau dan Membakut Kecil hanyalah berwarna hijau.



Foto 1 Pohon *komburongo*, yang ditanam di Kampung Taburan, Kota Belud.

Sumber: Koleksi Ick Ellyrenzine Linsap, 2017



Foto 2 Pohon *komburongo* yang diambil dari Kampung Taburan. Anak panah menunjukkan rizom *komburongo*.

Sumber: Koleksi Ick Ellyrenzine Linsap, 2 April 2017

Pengkaji juga mendapati pohon *komburongo* tumbuh di paya atau kawasan tanah yang lembap. Biasanya, *komburongo* ditanam oleh etnik Tobilung berdekatan kawasan tempat mandi mereka kerana kawasan tersebut sentiasa lembap. Sebagai perbandingan, Evans (1953: 61) dalam catatannya mencirikan *komburongo* sebagai tumbuhan yang tidak liar dan masyarakat Dusun Tindal di Kota Belud turut menanamnya di tempat lembap seperti di kolam kecil yang menjadi tempat kerbau berkubang, manakala etnik Kadazan di Membakut menanam *komburongo* di bawah rumah mereka dan ditemui hidup dalam kawasan paya sebagai langkah keselamatan dan akses mudah mendapatkan *komburongo* apabila diperlukan (Low & Soleha, 2018: 197).

Sebagai tumbuhan, etnik Tobilung percaya bahawa *komburongo* mempunyai kuasa ghaib. Sehubungan dengan itu, Mansor bin Rambayau, Kimo binti Gungurupa dan Gurubot bin Madasin (informan) menceritakan pengalaman yang pernah dilalui oleh mereka atau kenalannya pada zaman dahulu serta pengalaman nenek moyang mereka yang pernah diselamatkan oleh tumbuhan *komburongo*. Kejadian sedemikian menyebabkan mereka percaya terhadap *komburongo* dan sejak itu, mereka menanam tumbuhan *komburongo*.

Menurut kepercayaan etnik Tobilung, pohon *komburongo* juga memiliki sifat yang unik, iaitu ada kalanya dapat bersembunyi ke bawah tanah dan lenyap dengan begitu sahaja (Informan: Sunda binti Tampisal, Luntugon bin Masondal dan Kimpin bin Sombion). Seterusnya, pohon *komburongo* juga diceritakan memiliki kuasa ajaib kerana adanya semangat. Sesiapa yang mengambilnya perlu melafazkan *rineat* (puisi ritual) terlebih dahulu. Hal ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa terdapat pantang larang dalam mengambil tumbuhan *komburongo*, iaitu tidak boleh diambil sewenang-wenangnya tanpa bacaan *rineat*. Tambahan pula, menurut kepercayaan awal etnik Tobilung, pohon *komburongo* hanya boleh diambil oleh *bobolian* melalui upacara *modsongodou* (mengubati penyakit) (Informan: Kimo binti Gungurupa). Cara mengambilnya ialah *bobolian* terlebih dahulu melafazkan *rineat* dalam ritual yang dikenali sebagai *moguok*. Terdapat tiga orang yang terlibat, iaitu salah seorangnya adalah lelaki yang berpakaian lengkap dengan parang yang panjang melaungkan kata “Kii Hii” dan disusuli dengan tindakan membersihkan kawasan sekeliling pohon *komburongo* dengan menggunakan parang tersebut serta mencabut pohon *komburongo* dengan selendang.

Sebagai perbandingan, Evans (1953: 61) menggambarkan bahawa proses mengambil pohon *komburongo* dalam kalangan etnik Tindal amat rumit melalui upacara *Magambawon*. Tambahnya lagi, terdapat tiga orang yang terlibat, iaitu salah satunya ialah lelaki yang membawa pedang dan perisai kayu bulat (*kolid*) mengambil pohon *komburongo* di sebuah kawasan yang berpaya, di mana tempat pohon *komburongo* tumbuh. Lelaki tersebut membuat ritual hantaran untuk menghalau semangat jahat *Pamaiyak-Baiyak* serta semangat *komburongo* yang tidak berguna, disusuli dengan wanita yang membersihkan rimpang *komburongo*. Jika diteliti, etnik Tindal dan Tobilung mempunyai persamaan cara mengambil pohon *komburongo*, iaitu perlu melakukan ritual atau pelafazan *rineat* terlebih dahulu dan dari aspek jumlah orang yang bertanggungjawab mengambil pohon *komburongo*. Perbezaannya ialah, bagi etnik Tobilung, upacara wajib mengambil pohon *komburongo* dikenali sebagai *modsongodou*, manakala upacara *mangambawon* bagi etnik Tindal. Hasil perbandingan mendapati kedua-dua etnik ini mempunyai kepercayaan yang sangat mendalam terhadap pohon *komburongo* hinggalah mereka mengadakan satu upacara yang begitu serius bagi mengambil pohon *komburongo*.

Pada masa ini, tumbuhan *komburongo* masih ditanam di perkampungan Tobilung seperti Kampung Taburan, Dudar, Sarang dan Kampung Timbang. Mereka menanam pohon *komburongo* bagi memudahkan mereka mengambilnya apabila menjalankan acara ritual *modsongodou* (mengubati penyakit) yang wajib menggunakannya. Hal ini menunjukkan pohon *komburongo* masih penting dan signifikan sebagai tumbuhan suci dalam kehidupan sesetengah etnik Tobilung di Kota Belud sehingga kini.

***Komburongo* sebagai Alat Ritual**

Daripada tumbuhan, identiti kedua *komburongo* ialah sebagai alat ritual. Atas sebab pohon *komburongo* dianggap tumbuhan suci, maka etnik Tobilung mengambil rimpang (*rhizome*) pohon *komburongo* untuk dijadikan rantai atau gelang sebagai tangkal azimat dan alat ritual. Tangkal azimat *komburongo* dipercayai dapat melindungi seseorang daripada kuasa jahat dan penyakit yang berpunca daripada angkara semangat jahat. Selain itu, tangkal azimat *komburongo* juga digantung di ayunan bayi untuk melindungi bayi tersebut diganggu oleh semangat jahat. Alat ritual *komburongo* pula digunakan untuk mengendalikan ritual. Tanpa alat ritual *komburongo*, sesuatu ritual tidak dapat dikendalikan. Hal ini disebabkan ritual *komburongo* digunakan untuk membangunkan semangat *komburongo* (Informan: Sunda binti Tampisal, Imbagong binti Gumang dan Kimo binti Gungurupa).

Jika diteliti, cara membuat alat ritual *komburongo* mempunyai tatacara tertentu, sesuai sebagai alat suci etnik Tobilung. Setelah diambil, tumbuhan *komburongo* dibawa naik ke dalam rumah dan diletakkan di atas sebujur nyiru. *Rineat* perlu dilafazkan oleh *bobolian*. Seterusnya, lelaki yang mengambilnya terlebih dahulu melangkah dengan cara melompat bersama *komburongo* yang dipegangnya, diikuti oleh para *bobolian* wanita sebanyak satu kali. Selepas itu, barulah *komburongo* dicuci dari bahagian bawah batang sehingga ke akarnya untuk dikerat mengikut saiz yang bersesuaian, ditampi dan dibuat lubang lalu dikeringkan. Apabila kering, *bobolian* sekali lagi melafazkan *rineat* sambil menampinya. Dipercayai bahawa *komburongo* yang terjatuh atau terbang keluar secara sendiri dari nyiru yang digunakan dipanggil *dolipusung*, dan dipercayai tidak mempunyai semangat yang baik dan mudah rosak. Maka, hanya keratan batang dan akar *komburongo* yang tertinggal di nyiru dianggap berkuasa dan seterusnya dicucuk menjadi bentuk rantai dan dihiasi manik-manik, duit syiling, loceng kecil, gigi binatang dan benda-benda lain. Hasilnya ialah alat ritual *komburongo* (Foto 3).



Foto 3 Alat ritual *komburongo* Tobiling

Sumber: Koleksi Ick Ellyrenzine Linsap, 2017

Dari segi asal usul, etnik Tobiling percaya bahawa alat ritual *komburongo* yang wujud terlebih dahulu sebelum adanya pohon *komburongo*. Menurut Itat Luntugon (informan), pada suatu ketika dahulu alat ritual *komburongo* dibawa untuk mengubati orang sakit. Kemudian, orang yang menggunakan alat ritual *komburongo* telah bermimpi terdapat semangat yang menyuruhnya untuk menanggalkan tujuh kerat alat *komburongo* dan ditanamnya. Sejak itu, sesiapa sahaja yang menjalankan upacara ritual *Modsongodou* (mengubati penyakit) perlu mengambil rimpang (*rhizome*) tumbuhan *komburongo* yang ditanam itu.

Sehubungan dengan itu, etnik Tobiling mempunyai kepercayaan bahawa alat ritual *komburongo* berwarna hitam, yang sudah lama digunakan dalam upacara ritual serta dihiasi buah kayu, manik-manik, bentuk duit syiling dan loceng memiliki kuasa yang kuat. Alat ritual *komburongo* yang masih baharu belum berwarna hitam dan kuasanya tidak begitu kuat. Oleh itu, seseorang dengan mudah dapat membezakan antara alat ritual *komburongo* yang lama dengan yang baharu. Dari segi perhiasan yang terdapat pada alat ritual *komburongo*, pengkaji juga diberitahu oleh Imbagong binti Gumang (informan) bahawa perhiasan terhadap *komburongo* berfungsi mencantikkan alat *komburongo* tersebut semata-mata. Namun, Kimpin Sombion (informan), Sunda binti Tampisal (Informan) dan Siatok Pasok (informan) pula memberitahu bahawa bahan-bahan perhiasaan itu ialah teman kepada *komburongo* dan mempunyai kuasa khususnya. Bahan-bahan yang dimaksudkan oleh mereka ialah buah kayu *lampakakau* dan *kucur*.

Sebagai perbandingan, hasil kajian Low dan Solehah (2018: 190) mendapati perhiasan terhadap *komburongo* tidak mempunyai kuasa dan berfungsi mencantikkan alat *komburongo* tersebut sahaja. Evans (1953: 65) pada

mencatatkan bahawa etnik Dusun Tindal mempercayai terdapat juga biji daripada tumbuhan lain yang dikenali sebagai *bakauk* dan *lampakau* yang dijumpai melekat bersama dengan alat *komburongo* dan dipercayai memiliki nilai pelindung dan turut mempunyai kuasa seperti *komburongo*. Hasil perbandingan ini menunjukkan bahawa etnik Kadazandusun yang berlainan mempunyai kepercayaan yang berbeza terhadap hiasan yang ada pada alat ritual *komburongo*.

Dalam kepercayaan Tobilung, alat ritual *komburongo* yang baharu belum cukup kuat, berbanding dengan alat ritual *komburongo* yang lama (Informan: Mansor bin Rambayau). Oleh itu, *bobolian* (pakar upacara) pada kebiasaannya membawa alat ritual *komburongonya* yang lama, yang diwarisi daripada nenak moyang mereka. Sebagai perbandingan, Hanafi Hussin (2003: 27) turut mencatatkan masyarakat Kadazan di Penampang mempercayai bahawa *komburongo* sebagai salah satu kelengkapan *bobohizan* (pakar upacara) untuk ritual boleh diwarisi sebagai pusaka dan mempunyai nilai yang tinggi dan sakral kerana cara penggunaannya. Jika disimpan lebih lama, kuasanya menjadi lebih kuat sehingga *bobolian* dapat mengendalikan upacara tanpa sebarang gangguan.

Mansor bin Rambayau (informan) memberitahu bahawa *komburongo* yang sudah lama digunakan dalam ritual tidak perlu dibangunkan lagi dengan melafazkan *rineat* (puisi ritual) seperti kebiasaannya. Hal ini disebabkan *rineat* yang pernah dilafazkan oleh *bobolian* terdahulu sudah bersemadi pada alat ritual *komburongo* tersebut. Oleh itu, ahli keluarga yang mewarisi alat ritual *komburongo* nenek atau datuk mereka namun tidak mahir melafazkan *rineat* masih dapat menggunakannya dalam upacara *mololopoi*, yang bertujuan untuk menyembuhkan penyakit ringan seperti demam atau selesema serta bagi memohon perlindungan daripada dihindari gangguan makhluk jahat. Cara menggunakannya juga amat mudah, iaitu hanya dengan menggosok alat ritual *komburongo* dan meniupnya sebelum menyeru semangat *komburongo* untuk memulakan upacara ritual tanpa bacaan *rineat*. Sebagai perbandingan, masyarakat Kadazan juga mempercayai alat ritual *komburongo* mempunyai semangat yang menetap di situ (Sinsua, 1995: 9). Bagaimanapun, setiap kali ritual dijalankan, alat ini perlu dibangunkan melalui pelafazan *rinait* (puisi upacara) yang khas (Hanafi Hussin, 2003: 27).

Alat ritual *komburongo* diperlukan dalam hampir semua ritual etnik Tobilung. Upacara *Modsuut* yang bertujuan untuk memuja serta memberi sajian kepada *solob* (penunggu ladang) kerana membantu mereka menjaga ladang sebagai contoh memerlukan alat ritual *komburongo*. Berdasarkan temu bual pengkaji dengan semua *bobolian* Tobilung (Lampiran 1), hampir semua ritual yang dijalankan oleh mereka memerlukan alat ritual *komburongo*. Sekadar tiga

contoh upacara ritual yang dimaksudkan ialah *Mangatod Toromos* (upacara mempersembahkan bahan pemujaan seperti ayam dan babi kepada makhluk halus), *Mongolintuun* (salah satu upacara penyembuhan penyakit ringan) dan *Momundaki* (upacara menghilangkan kemudaratan penyakit ringan dan mengelak daripada terkena benda jahat) (Informan: Mansor bin Rambayau).

Alat ritual *komburongo* dianggap suci dan dipercayai dihuni oleh semangat *komburongo* yang berfungsi sebagai pembantu rohani etnik Tobilung. Oleh itu, etnik ini mempunyai amalan pantang larang terhadap alat ritual *komburongo*. Alat ritual *komburongo* tidak boleh disimpan di tempat kotor, tidak boleh dilangkah oleh haiwan peliharaan seperti kucing atau anjing, tidak boleh disimpan di dalam peti atau almari bertutup dan tidak boleh disimpan di rumah yang tidak berpenghuni (Informan: Kimpin Sombion, Imbagong Gumang, Siatok Pasok, Sunda Tampisal, Sintokon Pariyuk dan Kimo Gungurupa). Oleh itu, alat ritual *komburongo* mesti digantung di tempat yang agak tinggi seperti di dinding rumah pemiliknya, sama ada di dalam bilik tidur atau ruang tamu tanpa dibungkus atau ditutup. Menurut kesemua informan (Lampiran 1), penjagaan *komburongo* amat penting disebabkan sekiranya tidak dijaga dengan baik, kuasa ghaib alat ritual tersebut akan hilang. Bagi alat ritual *komburongo* yang disimpan di dalam peti atau almari yang tertutup, dipercayai boleh menyebabkan pemiliknya mengalami kesukaran untuk bernafas. Selain mengamalkan pantang larang tersebut, etnik Tobilung juga mempunyai caranya untuk menjaga alat ritual *komburongo*, iaitu disapu dengan minyak rambut. Menurut Siatok Pasok (informan), alat ritual *komburongo* yang sering kali disapu minyak, lama-kelamaan alat ini akan berwarna hitam dan dalam keadaan yang baik.

Sebagai perbandingan, cara penjagaan alat ritual *komburongo* etnik Dusun di Tambunan didapati berbeza dengan etnik Tobilung. Sehubungan dengan itu, Pugh-Kitingan (2012: 118) mencatatkan bahawa alat ritual *komburongo* oleh etnik Dusun Tambunan perlu disimpan di dalam bakul kecil yang tertutup. Dapatan kajian Pugh-Kitingan (2012: 118) ini menunjukkan amalan penjagaan *komburongo* Dusun Tambunan berbeza dengan cara etnik Tobilung kerana bagi etnik Tobilung, alat ritual *komburongo* tidak boleh disimpan di bekas yang tertutup, sebaliknya perlu digantung di tempat yang tinggi dan terbuka. Cara menyimpan alat ritual *komburongo* bagi etnik Dusun Tindal di Kota Belud pula didapati mirip kepada amalan etnik Tobilung. Sehubungan dengan itu, Evans (1953: 63) mencatatkan bahawa etnik Dusun Tindal di Kota Belud menggantung alat ritual *komburongo* di pelantar di depan pintu rumah atau di tiang beranda rumah yang terdedah kepada cahaya matahari. Demikianlah persamaan dan perbezaan cara penyimpanan alat ritual *komburongo* dalam kalangan beberapa etnik Dusun yang berbeza.

Komburongo sebagai Semangat Pembantu

Identiti *komburongo* sebagai tumbuhan dan alat ritual telah diberikan penghuraian. Soalnya, mengapakah kedua-duanya disebut sebagai *komburongo* oleh etnik Tobilung? Apakah kaitan antara tumbuhan, alat ritual dan semangat *komburongo* pula? Soalan-soalan kajian sedemikian perlu dijawab berasaskan kepercayaan etnik Tobilung terhadap semangat *komburongo* secara khusus. Sehubungan dengan itu, semua informan (Lampiran 1) dalam kajian ini memberitahu bahawa *komburongo* ialah semangat baik yang membantu mereka menyelesaikan masalah kerohanian dan fizikal. Antara contoh masalah kerohanian ialah ancaman semangat jahat dan masalah fizikal ialah serangan penyakit. Dalam penyelesaian kedua-dua jenis masalah tersebut, etnik Tobilung bergantung kepada *bobolian* (pakar upacara) untuk berkomunikasi dengan semangat *komburongo* melalui ritual tertentu.

Dalam sistem kepercayaan etnik Tobilung, *komburongo* berfungsi sebagai semangat yang dapat menemui Tinumaru, ialah Pencipta yang maha berkuasa dan mencipta segala benda di alam ini. Di bawah Tinumaru terdapat enam lagi semangat baik lain yang dikenali sebagai Kinoringan. Bagi menyelesaikan sesuatu masalah, pertama, semangat *komburongo* perlu dibangunkan oleh *bobolian* melalui pelafazan *rineat* (puisi upacara). Setelah dibangunkan dan dimaklumkan masalah yang dihadapi seseorang, semangat *komburongo* mula menuju ke tempat Tinumaru. Sebelum dapat berjumpa dengan Tinumaru, semangat *komburongo* perlu melalui enam peringkat Kinoringan terlebih dahulu. Dalam setiap peringkat Kinoringan, semangat *komburongo* perlu memohon keizinan mereka, sehinggalah ia sampai ke tempat Tinumaru (Informan: Mansor bin Rambayau, Imbagong Gumang, Sunda Tampisal dan Kimo Gungurupa). Peringkat yang perlu dilalui semangat *komburongo* digambarkan dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1 Peringkat Kinoringan yang perlu dilalui semangat *komburongo* sebelum berjumpa dengan Tinumaru

Peringkat	Nama Kinoringan
1	Kinoringan Dolipusung
2	Kinoringan Dontolon
3	Kinoringan Lungkaap
4	Kinoringan Mogolngiw
5	Kinoringan Kinombura
6	Kinoringan Tosundu
7	Tinumaru

Sebagai semangat baik, *komburongo* turut memiliki beberapa sifat dan perwatakan yang baik serta kuasa ajaib. Menurut Kimo binti Gungurupa (informan), semangat *komburongo* yang mendiami alat ritual *komburongo* dapat menjelma menjadi manusia apabila pemiliknya memohon bantuan daripadanya. Mengikut cerita informan, terdapat seorang jejaka yang telah berburu kononnya akan ditangkap dan dibunuh oleh bangsa lain (merujuk kepada makhluk halus) semasa berehat di dalam hutan. Nasib baik, ibunya yang memiliki alat ritual *komburongo* telah memohon bantuan *komburongo* untuk melindungi anaknya itu. Atas bantuan *komburongo*, anaknya terselamat daripada bahaya.

Seterusnya, semangat *komburongo* dipercayai dapat menjelma menjadi manusia (Informan, Sunda bin Tampisal). Menurut informan ini, alat ritual *komburongo* yang digantung di rumah dipercayai dapat menjelmakan diri menjadi manusia mengikut jantina pemiliknya. Diceritakan anaknya telah menyimpan alat *komburongo* di dalam rumahnya. Pada suatu hari, kawan kepada anaknya itu ternampak seorang wanita lain di dalam rumah mereka. Wanita itu dipercayai adalah jelmaan semangat yang mendiami alat ritual *komburongo*, yang melindungi keluarga anaknya. Hal ini dibuktikan selepas anak informan tersebut memulangkan semula alat ritual *komburongo* itu kepada ibunya. Sejak itu, kawannya tidak pernah nampak wanita lain di rumah mereka lagi.

Dari segi aspek sifat dan perwatakan, didapati bahawa *komburongo* ialah semangat baik yang sentiasa menuruti permintaan tuannya untuk berjumpa dengan Tinumaru dan kembali semula ke tempat asalnya. Hal ini dapat digambarkan melalui fungsi *komburongo* yang menjadi pengantara antara manusia dan Tinumaru seperti yang dijelaskan sebelum ini. Menurut Mansor bin Rambayau (Informan), semasa dalam perjalanan menemui Tinumaru, *komburongo* juga dipercayai terpaksa melalui situasi yang berbahaya ketika dalam perjalanannya. Namun demikian, *komburongo* tetap meneruskan perjalanannya dengan berani dan gagah demi memegang amanah yang diberikan. Apabila sampai kepada Tinumaru, *komburongo* akan segera memaklumkan hajat yang dibawanya. Dengan itu, Tinumaru pula akan turun ke dunia untuk membantu manusia. *Komburongo* turut mempunyai sikap yang jujur, iaitu apabila ditanya adakah orang sakit boleh diselamatkan, *komburongo* tidak akan memberikan tindak balas sekiranya dia tidak dapat diselamatkan. Selain itu, Kimo binti Gungurupa (informan) memberitahu bahawa semangat *komburongo* didapati berusaha untuk membantu pemiliknya dengan melawan semua roh atau makhluk jahat yang marah dengan *bobolian* (pakar upacara), menunjukkan semangat *komburongo* bukan sahaja bertanggungjawab melindungi tuannya tetapi setia kepada pemiliknya.

Sebagai perbandingan, kajian Evans (1953: 61), Hurlbut (1986: 129), Arena Wati (1978: 136), Tongkul (2002: 32), (Hanafi Hussin, 2003: 28), Pugh-Kitingan (2012: 117), Marlenny Deenerwan (2014: 39), Low dan Solehah (2018: 185) turut mendapati bahawa fungsi semangat *komburongo* secara umum adalah melindungi dan membantu masyarakat tradisional Kadazandusun yang menghadapi masalah dalam kehidupan sehari-hari mereka. Masalah yang dimaksudkan sama ada dari aspek kesihatan, kehidupan, jasmani, rohani serta yang berkaitan dengan aktiviti sosioekonomi mereka. Malah, Evans (1953: 62) dan Low dan Solehah (2018: 192) juga mencatatkan bahawa *komburongo* boleh digunakan bagi meramal sesuatu peristiwa yang bakal berlaku. Antaranya seperti kesembuhan penyakit seseorang dan hal peperangan dengan musuh. Demikianlah hebatnya peranan yang dimainkan oleh *komburongo* sebagai semangat pelindung kepada orang Kadazandusun.

KESIMPULAN

Tulisan ini telah menonjolkan tiga identiti *komburongo* dalam sistem kepercayaan tradisional etnik Tobilung. Ketiga-tiga identiti yang dimaksudkan ialah *komburongo* sebagai tumbuhan, *komburongo* sebagai alat ritual dan *komburongo* sebagai semangat baik. Berdasarkan analisis yang dilakukan, pohon *komburongo* dianggap suci bukan sahaja oleh etnik Tobilung, malah etnik Kadazandusun lain. Hal ini disebabkan alat ritual *komburongo* didapati diperbuat daripada rimpang pohon *komburongo*. Dengan kata lain, tanpa rimpang *komburongo*, maka tiadalah alat ritual *komburongo*.

Seterusnya, alat ritual *komburongo* didapati diperlukan oleh *bobolian* (pakar upacara) bagi mengendalikan semua ritual etnik Tobilung. Dalam sesuatu ritual, *bobolian* Tobilung pasti melafazkan *rineat* (puisi upacara) bersamat alat ritual *komburongo*. Tanpa alat ritual *komburongo*, maka semangat *komburongo* tidak dapat dibangunkan. Jika semangat *komburongo* gagal dibangunkan sesuatu upacara turut dianggap gagal. Identiti *komburongo* ketiga yang ditonjolkan dalam kajian ini ialah *komburongo* sebagai semangat pembantu paling penting yang sering menolong etnik Tobilung dalam semua masalah kerohanian atau masalah kesihatan mereka.

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan atas ketiga-tiga identiti *komburongo*, pengkaji mendapati ketiga-tiga bentuk *komburongo* adalah saling berkait. Daripada rimpang *komburongo*, diciptanya alat ritual *komburongo*, dan daripada alat ritual *komburongo*, semangat *komburongo* dapat dibangunkan untuk mengendalikan sesuatu ritual etnik Tobilung. Ketiga-tiga bentuk *komburongo* ini

pada zahirnya kelihatan berbeza namun tidak terpisah dari segi kepercayaan etnik Tobilung. Semua dapatan kajian ini merupakan teori-teori berkenaan kepercayaan terhadap identiti *komburongo* yang tersimpan dalam pandangan dan kepercayaan mereka. Prinsip ini dikenali sebagai *grounded theory* yang diaplikasikan dalam kajian ini.

Berdasarkan perbandingan tiga identiti *komburongo* etnik Tobilung dengan etnik Kadazandusun lain pula, kajian ini mendapati dari segi kepercayaan dan fungsi *komburongo* antara mereka adalah sama sahaja. Namun, terdapat juga perbezaan dari segi penggunaan *rineat* dan ritual yang dijalankan. Ciri-ciri persamaan yang ditonjolkan menunjukkan etnik Tobilung ialah satu rumpun yang sama dengan etnik Kadazandusun lain. Perbezaan yang timbul adalah disebabkan mereka tinggal di tempat yang berlainan dan mengamalkan kepercayaan tradisional masing-masing sejak turun-temurun. Kajian ini telah menonjolkan salah satu kepercayaan turun-temurun etnik Dusun Tobilung, iaitu identiti *komburongo* yang berbeza dalam sistem kepercayaan tradisional mereka.

RUJUKAN

- _____. (2008). Performing rice farming rituals by Penampang Kadazan of East Malaysia: Between sacred ritual and secular performance. *JATI: Journal of Southeast Asian Studies*, 13, 173-190.
- _____. (2018). The spiritual significance of *Komburongo* in the folk beliefs of the Dusun people of North Borneo. *Electronic Journal of Folklore*, 71, 179-206.
- Arena Wati. (1978). *Dusun satu tinjauan dalam konteks kepercayaan, kultus & hukum adat di Sabah*. Kota Kinabalu: Yayasan Sabah.
- Aziz Bidin & Aishah Haji Muhammad. (1998). Kegunaan tumbuh-tumbuhan. Dlm. Wan Hashim Wan Teh & Ismail Hamid (eds.), *Nilai Budaya Masyarakat Desa: Kajian Etnografi di Wang Kelian, Perlis*, 1(hlm.162-198). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Creswell, J.W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. Washington D.C: SAGE.
- Evan, I.H.N. (1953). *The religion of the Tempasuk Dusuns of North Borneo*. London: The Cambridge University Press.
- Hanafi Hussin. (2003). *Bobohizan* dan peranannya di kalangan masyarakat Kadazan Daerah Penampang, Sabah. *JATI: Journal of Southeast Asian Studies*, 8, 15-40.
- Hurlbut, H. M. (1986). Traditional beliefs of the eastern (Labuk) Kadazan people. *Sabah Museum and Archives Journal*, 1(1), 111-171.
- Japuin Madisah. (1986). *Tatacara adat istiadat dan kebudayaan Kadazan*. Kota Kinabalu: Sikuk Publication.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. (2014). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. (2018). *Inventori budaya etnik negeri Sabah, etnik Tobilung*. Kota Kinabalu: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.

- Low Kok On & Marshall, S. (2013). Paganism, animism or polytheism? An investigation into the labeling and categorisation of traditional beliefs of the Kadazandusun. *The Sarawak Museum Journal*, 71, (92), 1-40.
- Low Kok On & Solehah Ishak. (2016). *Beliefs in the Komburongo (Acorus Calamus) and its spritual healing among the dusunic people of Sabah, Malaysia*, 22 (5), 1336-1339.
- Low Kok On & Sri Ningsih. (2013). Pandangan dunia dan konteks upacara dalam Sumazau Penampang. *Jurnal Akademika*, 83 (2&3), 47-59.
- Low Kok On. (2005). *Membaca mitos dan legenda*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Luping, H. J. (2009). *The Kadazandusun (indigenous ethnic communities of Sabah)*. Kuala Lumpur: Ministry of Information, Communications and Culture Malaysia.
- Marlenny Deenerwan. (2014). *Bobolian seni teater etnik Dusun*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara.
- Mat Zin Mat Kib. (2003). *Kristian di Sabah 1881-1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Minsu, J. (2009). *Budaya Orang Sabah*. Kota Marudu: Jaiping Minsu.
- Persatuan Tobilung Bersatu Sabah (ed.). (2010). *Buku frasa tiga bahasa (Tobilung - Bahasa Malaysia - English)*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Sabah.
- Pugh-Kitingan, J. (2012). *Kadazan Dusun*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Sansalu, D. (2017). *Warisan sejarah Kadazan Dusun*. Kota Kinabalu: Kadazan Dusun Cultural Association (KDCA).
- Sapinah Haji Said. (2013). *Kamus Peribahasa Melayu*. Johor Darul Takzim: Pelangi ePublishing Sdn. Bhd.
- Sinsua, S. (1995). Kadazan highpriestess. *Borneo Magazine*, 8-9.
- Tombung, R. B. (1990). *Keluarga Dusun*. Kota Kinabalu: Persatuan Dusun Sabah Bersatu.
- Tongkul, F. (2002). *Traditional systems of indigenous people of Sabah, Malaysia: Wisdom accumulated through generations*. Kota Kinabalu: PACOS Trust.
- Yap Beng Liang. (1982). Pandangan hidup orang Dusun. *Dewan Budaya*, 10-12.

LAMPIRAN 1: SENARAI INFORMAN

BIL.	NAMA INFORMAN	UMUR	KAMPUNG
1.	Mansor bin Rambayau	82	Kampung Taburan Puka
2.	Siatok binti Pasok	78	Kampung Taburan Puka
3.	Gurubot bin Madasin	52	Kampung Taburan Tengah
4.	Sunda binti Tampisal	80	Kampung Taburan Besar
5.	Kimo binti Gungurupa	81	Kampung Dudar
6.	Itat Luntugon	57	Kampung Taburan Kecil
7.	Luntugon bin Masondal	94	Kampung Taburan Besar
8.	Kimpin bin Sombion	72	Kampung Taburan Besar
9.	Imbagong binti Gumang	86	Kampung Sarang